

2



Tragedi pesawat MAS MH370 hilang di Lautan Hindi

Kosmo
6/8/15
mls 2

Pakar Perancis dan Malaysia siasat sama ada cat pada komponen sayap milik MH370

Analisis flaperon pesawat bermula

TOULOUSE - Pakar-pakar di Perancis semalam mula memeriksa serpihan pesawat dipercayai milik Penerbangan Malaysia MH370 yang hilang tanpa dapat dikesan pada tahun lalu.

Mereka berharap dapat mencari petunjuk bagi membongkar misteri yang paling sukar dalam sejarah aviasi itu.

Pesawat milik Penerbangan Malaysia berkenaan hilang pada 8 Mac 2014 selepas mengubah haluan ketika dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing dengan membawa 239 orang.

Kehilangan MH370 mencetuskan operasi mencari besar-besaran, tetapi sehingga kini gagal membuahkan hasil.

Bagaimanapun, penemuan komponen sayap sepanjang dua meter yang dinamakan flaperon di Pulau Reunion, Lautan Hindi pada minggu lalu menghidupkan semula harapan waris mangsa untuk mencari jawapan tentang apa yang berlaku kepada pesawat Boeing 777 itu.

Pakar Perancis dan Malaysia termasuk Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam, Datuk Seri Azharuddin Abdul Rahman, tiba di sebuah makmal di bandar Toulouse, selatan Perancis semalam untuk ujian flaperon tersebut.

Seorang pegawai kehakiman di Perancis menyatakan, pemeriksaan komponen sayap itu bermula sejurus kemudian.

Satu sumber yang ra-



FLAPERON atau komponen pada sayap pesawat yang ditemui penduduk di Pulau Reunion kini berada di Perancis untuk dianalisis sama ada milik MH370.

pat dengan kes berkenaan memberitahu bahawa pemeriksaan dan ujian ke atas flaperon itu dijangka mengambil masa selama beberapa hari.

Dalam perkembangan berkaitan, Jean-Paul Troadec yang merupakan bekas ketua agensi siasatan kemalangan udara Perancis, Bureau d'Enquêtes d'Analyse (BEA) berkata, analisis itu akan memberi tumpuan kepada dua perkara iaitu sama ada flaperon tersebut milik MH370 dan sama ada komponen itu dapat memberi petunjuk berhubung detik akhir pesawat berkenaan sebelum ia terhempas.

Menurutnya, cat pada komponen sayap itu merupakan antara elemen utama analisis berkenaan.

"Setiap syarikat penerbangan mengecat pesawat

mereka dengan kaedah tertentu. Jika cat itu digunakan oleh Penerbangan Malaysia, maka kami akan mendapat lebih kepastian

(bahawa flaperon itu milik MH370)," kata Troadec.

Katanya, pakar-pakar akan memeriksa cara komponen itu terpisah daripada sayapnya.

"Adakah disebabkan impak kuat dengan permukaan laut atau sebaliknya?"

"Flaperon ini nampak berada dalam keadaan baik. Komponen ini tidak kelihatan seperti serpihan pesawat yang menjunam ke dalam laut pada kelajuan 900 kilometer sejam," kata Troadec.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Australia, Warre Truss berkata, model aliran arus yang dilakukan oleh agensi sains nasional mengesahkan bahawa serpihan itu berkeungkinan besar dihanyutkan oleh arus dan angin ke Pulau Reunion sejauh sekitar 4,000 kilometer dari kawasan MH370 dipercayai terhempas. - Agensi



INFO Kronologi kehilangan MH370

8 Mac 2014 - Pesawat MAS Boeing 777-200ER berlepas dari KLIA ke Beijing membawa 239 penumpang dan kru pada pukul 12.41 pagi sebelum pesawat hilang daripada kawalan trafik udara (ATC) dan gagal mendarat masuk dengan ATC Vietnam pada pukul 1.21 pagi.

24 Mac 2014 - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan kedudukan terakhir penerbangan MH370 dikesan di tengah-tengah Lautan Hindi di barat Perth.

26 Mac 2014 - Najib memaklumkan Malaysia dan China akan terus menjalin kerjasama rapat dalam pencarian MH370.

3 April 2014 - Operasi mencari pesawat Malaysia yang hilang masuk hari ke-27, dengan kawasan pencarian meliputi kawasan seluas 223,000 kilometer persegi kira-kira 1,680 kilometer di barat laut Perth, Australia.

6 April 2014 - Pencarian MH370 dipertingkat di selatan Lautan Hindi memabitkan 112 pesawat dan 13 kapal meliputi kawasan seluas 134,000 batu persegi.

29 Januari 2015 - Malaysia mengisytiharkan kehilangan penerbangan MAS MH370 sebagai 'kemalangan' dan membuka jalan bagi syarikat penerbangan itu untuk membayar pampasan kepada waris dan ahli keluarga mangsa. Bagaimanapun, pencarian pesawat masih diteruskan.

2 Mac 2015 - Kerajaan Australia mengumumkan bahawa carian akan terus dijalankan dan yakin sebanyak 40 peratus kawasan carian utama telah selesai.

29 Julai 2015 - Serpihan sayap pesawat dijumpai di perairan Pulau Reunion dekat Madagascar di Lautan Hindi. Para penyiasat menjangkakan bahawa serpihan sayap tersebut adalah daripada pesawat MH370 yang hilang tahun lalu.



KAPAL Ocean Shield yang menjalankan pencarian di Lautan Hindi.